# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 1981**

**DR.22/1981**

D.R. 22/81

**Naskhah sahih—Bahasa Inggeris**

# RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 1981 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 18hb Oktober 1979.

Pindaan bagi seksyen 3. *Akta 98.*

**2.** Seksyen kecil (2) seksyen 3 Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "fifty" dengan perkataan-perkataan "three hundred".

---

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan mentakrifkan semula harta pesaka kecil memandangkan pengecualian duti harta pesaka yang lebih tinggi yang dibenarkan di bawah Belanjawan 1979. Oleh yang demikian, jumlah nilai harta pesaka kecil ditambahkan dari lima puluh ribu ringgit kepada tiga ratus ribu ringgit. Pindaan ini akan juga mengurangkan lantukan kes pentadbiran undang-undang di Mahkamah Tinggi dan mengadakan satu cara yang lebih sesuai kepada orang awam berkenaan dengan permohonan

mengenai pembahagian harta pesaka kecil kepunyaan si mati. Petisyen mengenai pembahagian harta pesaka kecil dan probet atau surat pentadbiran kuasa sekarang hanya perlu disampaikan atau difailkan kepada Pemungut yang terdekat dengan harta yang terlibat itu dan bukan kepada Mahkamah Tinggi. Cara ini mempercepatkan lagi pelupusan kes-kes dan mengurangkan perbelanjaan si petisyen.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. ($U^2$) 1075.]